

D528

U B483 BAH
MAHATHIR - UMNO

KUALA LUMPUR, 7 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN MENGETUAI SATU SIRI LAWATAN OLEH PARA ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI (MT) UMNO KE NEGERI-NEGERI UNTUK MENINJAU PERSIAPAN AWAL PARTI BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM.

SEBAGAI PERMULAAN, PRESIDEN UMNO ITU AKAN MELAWAT KELANTAN, TERENGGANU, PAHANG DAN PERAK. LAWATAN ITU AKAN DILAKUKAN MULAI SEKARANG.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MT SELAMA DUA JAM SETENGAH DI SINI, DI SAMPING MENGADAKAN DIALOG DENGAN PARA PEMIMPIN UMNO PERINGKAT BAHAGIAN DAN NEGERI, BELIAU JUGA AKAN MENEMUI WAKIL PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN).

BELIAU BERKATA, LAWATAN ITU BUKAN BERTUJUAN UNTUK MEMILIH CALON-CALON, KERANA MENURUTNYA, MASANYA BELUM SAMPAI UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

KETIKA DITANYA MENGAPAKAH BELIAU MEMILIH KELANTAN SEBAGAI NEGERI PERTAMA DALAM LAWATANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, IA ADALAH SECARA KEBETULAN DAN BUKANNYA KERANA UMNO MENGHADAPI SAINGAN SENGIT DARIPADA PEMBANGKANG TERUTAMA PARTI SEMANGAT 46. -- LAGI

2010MST 07 04 90

D533

U B485 BAH
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

+KITA PERCAYA KEADAAN DI KELANTAN TIDAK SEBURUK YANG DISANGKAKAN,+ KATANYA, DAN MENAMBAH BAHAWA UMNO SENTIASA BERSEDIA MENGHADAPI PILIHAN RAYA.

KATANNYA, LAWATAN ITU JUGA MELIPUTI KAWASAN-KAWASAN YANG DITANDINGI OLEH CALON-CALON BN DARIPADA PARTI KOMPONEN LAIN KERANA ADALAH MENJADI TUGAS UMNO MENENTUKAN KEMENANGAN BN.

KETIKA DITANYA APAKAH ISU-ISU YANG BELIAU JANGKA AKAN DIBANGKITKAN OLEH PEMBANGKANG MULAI SEKARANG, PERDANA MENTERI BERKATA, PEMBANGKANG AKAN BERUSAHA MENCIPTA APA JUA ISU WALAUPUN SEBENARNYA PADA MASA INI TIDAK ADA SEBARANG ISU.

+MEREKA AKAN CIPTA APA SAHAJA TERMASUK MENGIBARATKAN SAYA SEPERTI (BEKAS PRESIDEN UGANDA) IDI AMIN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, MESYUARAT HARI INI JUGA MEMBINCANGKAN PERSIAPAN MENGADAKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO. BAGAIMANAPUN, TARIKH PERHIMPUNAN ITU BELUM DITENTUKAN LAGI.

SEHUBUNGAN ITU, MESYUARAT AGUNG CAWANGAN AKAN DIADAKAN SEPANJANG BULAN JUN DIKUTI DENGAN MESYUARAT BAHAGIAN. -- LAGI

2024MST 07 04 90

D539

U B487 BAH
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

SELAIN DARIPADA ITU, MESYUARAT JUGA MELAKUKAN PENILAIAN (POST-MORTEM) TERHADAP PENCAPAIAN PARTI PADA PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH KAWASAN PANTAI MERDEKA BARU-BARU INI BAGI MEMPASTIKAN KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG BERLAKU TIDAK BERULANG.

+KITA DAPATI ADA KELEMAHAN-KELEMAHAN TERTENTU DALAM JENTERA PILIHAN RAYA PARTI. WALAUPUN MENCAPAI KEMENANGAN, KITA TIDAK PUAS HATI KERANA KITA MAHU KEMENANGAN YANG LEBIH BESAR,+ KATA BELIAU.

MENGENAI MESYUARAT PARA PEMIMPIN BN PADA 12 APRIL INI, PERDANA MENTERI BERKATA, IA BUKAN MESYUARAT PERINGKAT MAJLIS TERTINGGI TETAPI MERUPAKAN PERJUMPAAN ANTARA PARA PEMIMIN PARTI-PARTI KOMPONEN.

KETIKA DITANYA SAMA ADA PERJUMPAAN TERSEBUT ADA KAITAN DENGAN PILIHAN RAYA UMUM, BELIAU BERKATA: +YA, SEMUANYA ADA KAITAN. KALAU KITA BUAT APAPUN SEKARANG, ORANG ANGGAP IA ADA KAITAN DENGAN PILIHAN RAYA+.

KATANYA, MESYUARAT ITU BERTUJUAN MENDAPATKAN LAPORAN AWAL MENGENAI PRESTASI PARTI-PARTI KOMPONEN DAN MENENTUKAN KERJASAMA DALAM BN SELAIN DARIPADA MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA UMUM. --

BERNAMA
2034MST 07 04 90